

Berita Manmin

NO. 38 9 FEBRUARI 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan



"Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus."
(Filipi 3:14)



"Apa yang berlaku? Kamu berjalan dengan baik. Kamu pasti telah sembuh!"

Diaken Kanan Inok Lee | 78, Garibong-dong, Guro-gu, Seoul, Korea

Pada suatu hari pada bulan Mac 2024, saya tiba-tiba mengalami kesakitan pada kedua-dua bahagian belakang bawah, dan sejak itu saya tidak dapat berjalan dengan betul. Saya pergi ke klinik ortopedik dan didiagnosis dengan cakera hernia. Saya menerima terapi fizikal dan terapi gelombang kejutan ekstrakorporeal. Namun begitu, kesakitan itu semakin teruk dan merebak ke kaki saya. Saya merayu kepada doktor untuk menghentikan kesakitan itu, tetapi dia menyarankan saya untuk terus menerima terapi gelombang kejutan ekstrakorporeal. Dia berkata bahawa tiada pilihan lain. Saya memutuskan untuk menerima penyembuhan daripada Tuhan lalu berhenti menerima rawatan perubatan.

Saya telah mendaftar di Gereja Pusat Manmin pada tahun 2004, dan telah disembuhkan daripada cakera hernia melalui doa Pastor Emeritus Dr. Jaerock Lee. Sejak itu, saya berada dalam keadaan sihat, tetapi kali ini saya bergantung kepada cara dunia. Saya bertaubat atas hal itu.

Pada bulan Mei dan Julai 2024, saya



menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari dan dengan tekun berdoa untuk kesembuhan saya, memberikan persembahan syukur kepada Tuhan pada setiap hari. Pada 29 Julai, saya menyertai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi semasa Retret Musim Panas Manmin 2024 dan dengan iman menerima doa untuk orang sakit yang dipimpin oleh Pastor Soojin Lee.

Pada suatu malam pada bulan September, yakni sebulan kemudian, saya sedang berjalan ke gereja bersama pemimpin sel saya untuk menghadiri Perjumpaan Doa Daniel. Tiba-tiba dia berkata kepada saya, "Apa yang berlaku? Diaken Kanan Lee, kamu berjalan dengan baik. Kamu pasti telah sembuh." Kata-katanya menyedarkan saya, dan saya menyedari diri saya sedang berjalan dengan baik lalu berkata, "Oh! Ya, saya telah sembuh!"

Saya pasti telah berjalan dengan baik beberapa hari sebelumnya tetapi hanya sedar selepas kata-katanya. Saya begitu gembira sehingga menari-nari bersamanya. Halehuyah! Segala syukur dan kemuliaan bagi Tuhan!

“Saya mengalami kesukaran berjalan akibat stenosis tulang belakang, tetapi sekarang saya telah sembuh!”

Diaken Kanan Soongeum Lee | 71, Daebang-dong, Dongjak-gu, Seoul, Korea



Sejak tahun 2014, saya mengalami kesakitan pada bahagian bawah belakang saya, dan dengan berlalunya waktu, kesakitan itu merebak ke pinggul kanan dan kaki saya. Akhirnya, saya tidak dapat berjalan dengan baik.

Pada awal tahun 2018, saya pergi ke hospital. Doktor memberitahu bahawa cakera hernia saya hidapi telah menjadi lebih teruk sehingga menyebabkan stenosis tulang belakang dan saya memerlukan pembedahan besar. Tulang belakang saya melengkung, postur saya membongkok, bahu saya terangkat, dan pinggul kiri saya menonjol. Hal ini menyebabkan tubuh saya berbentuk seperti huruf S.

Pada suatu hari pada tahun 2022, empat tahun kemudian, saya pergi ke hospital lain. Doktor di sana berkata, "Saraf pada kaki kanan kamu telah mati, jadi kamu akan menghadapi masalah yang lebih besar tidak lama lagi." Doktor menyarankan saya pergi ke hospital yang lebih besar dan menjalani pembedahan, tetapi saya memilih untuk bertahan tanpa pembedahan. Saya kehilangan kekuatan pada kedua-dua kaki dan sering jatuh, menyebabkan banyak luka pada kedua-dua lutut saya.

Pada bulan Julai 2024, saya sangat ingin menerima kesembuhan dalam Retret Musim Panas Manmin 2024 yang akan datang. Saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari dan dengan bersungguh-sungguh berdoa untuk kesembuhan saya, serta memberikan persembahan pada setiap hari. Saya sepatutnya pulang sebelum Perjumpaan Doa Daniel tamat kerana saya perlu bekerja pada awal pagi, tetapi saya tetap mengikutinya hingga perjumpaan doa itu selesai.

Pada 29 Julai, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi semasa retret musim panas dengan penuh kerinduan dan dengan iman menerima doa untuk orang sakit oleh Pastor Soojin Lee. Saya berasa sedikit kelegaan daripada kesakitan,

tetapi kecewa kerana tidak sembuh dengan sepenuhnya semasa retret itu. Kemudian, suami saya, Penatua Byeonghwa Cho, memberikan dorongan kepada saya dengan berkata, "Marilah kita mencari jawapan dalam Kitab Suci."

Pada bulan yang berikutnya, gereja mengadakan 'Kempen Membaca Alkitab Empat Bulan'. Ketika membaca Kitab Suci, saya menyedari beberapa perkara yang tidak benar dalam diri saya, termasuk sifat putus asa. Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk menyingkirkan perkara-perkara ini dan menerima doa untuk orang sakit oleh Pastor Kanan Soojin Lee pada setiap Ibadat Pagi Ahad.

Pada 27 September, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dwi-bulanan. Mendengar khutbah yang disampaikan oleh pembicara, saya bertaubat kerana tidak memupuk tahap kebaikan dan iman yang lebih tinggi. Ketika Pastor Soojin Lee mendoakan orang sakit, kesakitan saya semakin lega, dan saya dapat berjalan dengan lebih selesa. Saya menjadi yakin bahawa Tuhan akan menyembuhkan saya sepenuhnya apabila saya memupuk kebaikan dalam hati saya. Saya berusaha keras untuk menyingkirkan kejahatan dan gembira dalam melakukan kebaikan.

Pada 6 Oktober, acara ulang tahun ke-42 gereja diadakan, dan saya sangat tersentuh hati oleh khutbah Pastor Kanan dan persembahan sambutan ulang tahun sehingga saya berasa seperti terbang di udara.

Selepas itu, pada 9 Oktober, saya pergi ke Wilayah Gangwon untuk melihat bunga-bunga musim luruh bersama rakan-rakan saya. Di tapak festival bunga yang luas, terdapat kereta api kecil yang dikenali sebagai 'tin train' yang mundar-mandir. Saya tidak menaiknya tetapi berjalan mengelilingi kawasan itu bersama rakan-rakan saya. Pada ketika itu, kesakitan pada belakang dan kaki saya hilang, dan tulang belakang saya menjadi lurus. Saya dapat berjalan dengan bebas dan menikmati bunga-bunga yang indah dengan gembira.


Sepuluh hari kemudian, pada 19 Oktober, saya menghadiri perjumpaan kumpulan persatuan diaken kanan. Selepas makan tengah hari, kami berjalan di luar, dan salah seorang daripada mereka berkata dengan terkejut, "Oh! Sungguh mengejutkan! Kamu berjalan dengan baik. Belakang kamu lurus!" Saya berasa sangat gembira dan memuliakan Tuhan.

Saya dahulunya mengalami kesukaran besar untuk berjalan selama 5 minit akibat cakera hernia dan stenosis tulang belakang. Namun begitu, kini semua kesakitan telah hilang sepenuhnya, belakang saya menjadi lurus, dan kaki saya kembali kuat. Oleh itu, saya dapat berjalan ke tempat kerja dan menguruskan kerja saya dengan baik. Kini, saya berasa begitu bahagia pada setiap hari.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya.

“Kamu mengalami keretakan pada tulang belakang, tetapi sekarang ia tidak kelihatan!”

Diaken Ilsoon Moon | 72, Shinjeong-dong, Yangcheon-gu, Seoul, Korea



Pada 23 Disember 2023, saya sedang menaiki bas apabila bas itu berhenti secara tiba-tiba. Saya terjatuh ke lantai dari tempat duduk saya dengan kuat. Oleh sebab saya telah mengalami stenosis tulang belakang sebelumnya, kejatuhan itu menyebabkan tulang belakang saya retak teruk dan saya berasa kesakitan yang tajam seperti pisau memotong bahagian tersebut. Saya dihantar ke hospital dengan ambulans, dan pemeriksaan menunjukkan bahawa tulang belakang pertama saya patah dan terdapat retakan di sekelilingnya.

Saya mengunjungi beberapa hospital untuk mendapatkan rawatan yang lebih baik, tetapi tiada sebarang kemajuan. Tiga bulan kemudian, saya menjalani pembedahan untuk tulang belakang yang patah. Saya bertanya kepada doktor apa yang boleh dilakukan terhadap bahagian tulang yang retak, lalu doktor berkata, “Kamu telah menjalani pembedahan, dan tiada cara lain. Kamu perlu menunggu sedikit waktu lagi.”

Saya ingin menghadiri Retret Musim Panas Manmin 2024 untuk menerima kesembuhan di sana. Namun begitu, saya tidak dapat hadir di tempat retret pada 29 Julai, sebaliknya menonton acara itu melalui GCN TV. Ketika Pastor Soojin Lee menyampaikan khutbah, kasih kurnia Tuhan tercurah ke atas saya seperti air terjun.

Khutbah beliau mengingatkan saya bahawa saya pernah berasa kecewa terhadap orang lain kerana rasa tidak percaya diri yang esktrem dan menyalahkan diri sendiri, kedamaian tergugat akibat kebenaran diri dan keras kepala, serta menyimpan rasa

tamak sebagai pekerja sambilan di sebuah restoran. Saya bertaubat dengan air mata atas semua perkara ini dan dengan iman menerima doa untuk orang sakit daripada beliau.

Tidak lama selepas acara itu, saya menyedari kesakitan saya telah hilang, dan saya dapat tidur nyenyak untuk waktu yang lama. Dalam mimpi, seseorang menyentuh bahagian tulang saya yang retak dengan tangannya dan berkata kepada saya, “Ia telah sembah.”

Apabila saya bangun, saya menjadi yakin akan kesembuhan saya dan berulang-ulang kali berkata kepada Tuhan, “Tuhan Bapa, saya berterima kasih kepada Engkau.” Saya berdiri dan menggerakkan pinggang saya, dan tiada kesakitan sama sekali. Tidak ada lagi masalah pada bahagian pembedahan tulang belakang mahupun pada bahagian yang retak tersebut.

Pada 6 Oktober, saya dapat menghadiri ulang tahun gereja dan berjalan di sekitar tempat sambutan tanpa menggunakan tongkat.

Pada 18 Oktober, saya pergi ke hospital untuk melakukan MRI dan menerima berita yang menakjubkan. Doktor berkata, “Memang terdapat keretakan sebelum ini, tetapi sekarang ia tidak kelihatan.” Dia mengatakan bahawa hal ini ialah suatu keajaiban. Haleluyah~!

Sekarang, saya dapat pergi ke taman untuk bersenam, membersihkan rumah, memasak, dan mencuci pinggan dengan bebas. Segala kesyukuran dan kemuliaan hanya bagi Tuhan!

**‘Hanya Alkitab’
oleh Pastor Soojin Lee**
diciarkan melalui YouTube
dalam pelbagai bahasa



Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah

Tersedia sari kata dalam 13 bahasa termasuk bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romanja, dan Ibrani.

** Anda dapat menonton ‘Hanya Alkitab’ hanya dengan mengimbas kod QR.



Malay

Berita Manmin

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com, E-mel: manminhq@manmin.kr
Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Adakah anda tahu apa sebenarnya maksud Krismas?



Apakah hadiah yang telah anda sediakan untuk Yesus sempena menyambut Krismas, yang telah meninggalkan segala kemuliaan syurga dan datang ke dunia ini? Anda seharusnya memberikan-Nya keharuman yang murni dan indah dengan sepenuh hati, fikiran, dan keikhlasan anda.

Banyak orang menganggap Krismas sebagai ‘hari cuti’, ‘pesta’, ‘hari bertukar-tukar hadiah’, atau ‘hari Santa Claus’. Meraikan kelahiran Yesus digantikan dengan hiburan duniawi dan keseronokan badani. Orang yang menghadiri gereja pun tidak memahami maksud sebenar Krismas dan secara sembarangan mengikuti trend dunia ini. Oleh itu, apakah maksud sebenar Krismas?

Yang terutama, Yesus datang ke dunia untuk memberikan keselamatan kepada manusia. Melalui kelahiran Yesus, manusia dapat dibebaskan daripada dosa dan diselamatkan. Ketika Yesus datang ke dunia dalam bentuk manusia, hal itu merupakan permulaan pelayanan untuk keselamatan manusia. Dengan kata lain, Krismas ialah hari Yesus dilahirkan di dunia ini untuk menyelamatkan manusia, dan hari ini merupakan hari yang paling bahagia bagi manusia.

Apakah yang akan berlaku jika Yesus tidak membuka jalan keselamatan untuk manusia? Semua orang merupakan orang yang berdosa kerana dosa manusia pertama, Adam, dan ditakdirkan untuk menerima hukuman kekal di neraka. Namun begitu, melalui kasih Yesus yang dinyatakan melalui penyaliban dan kebangkitan-Nya, kita diampunkan dan memperoleh syurga yang indah. Kita harus memahatkan kasih kurnia keselamatan ini dalam hati kita dan bersyukur kepada-Nya pada setiap masa dan setiap hari

“Kemuliaan bagi Allah di tempat yang maha tinggi dan damai sejahtera di bumi bagi orang yang berkenan pada hati-Nya.”
(Lukas 2:14)

sehingga Dia kembali.

Seterusnya, Tuhan menunjukkan kasih yang terbesar melalui Yesus. Tuhan mengutus Anak-Nya yang tunggal, Yesus, ke dunia ini untuk menyelamatkan orang yang berdosa. Yesus, yang tanpa dosa dan tanpa cacat cela, disalibkan di atas kayu salib bagi pihak orang yang berdosa dan mencurahkan darah-Nya yang tidak bercela. Ganjaran dosa ialah kematian dan pengampunan dosa memerlukan pencurahan darah yang merupakan nyawa seperti yang tertulis dalam Imamat 17:11. Melalui darah-Nya, kita dapat terlepas daripada kematian dan memperoleh kehidupan. Hanya darah Yesus yang tidak bercela dapat menyucikan kita daripada segala dosa.

Yesus juga harus digantungkan di atas kayu dan menjadi laksat bagi pihak kita untuk menebus kita daripada laksat hukum Taurat, yang menyatakan bahawa akibat dosa ialah kematian (Galatia 3:13).

Yesus harus menanggung segala penderitaan dan mengorbankan nyawa-Nya sebagai Penyelamat untuk menyelamatkan orang yang berdosa. Tuhan memberikan Anak-Nya yang tunggal, Yesus, sebagai korban pendamaian untuk kita, dan Yesus membuat pengorbanan yang besar untuk membayar harga dosa kita.

Tuhan tidak sanggup melihat manusia hidup dalam dosa dan

terjerumus ke dalam neraka, jadi Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal sebagai penebusan bagi dosa kita, dan hal ini ialah bukti kasih-Nya (Roma 5:8). Yesus dilahirkan di dunia ini kerana kasih Tuhan yang besar, dan pada hari Krismas kita meraikannya.

Akhir sekali, Tuhan ingin membawa anak-anak-Nya yang sejati ke syurga dan berkongsi kasih dan kegembiraan dengan mereka untuk selama-lamanya. Dia menciptakan manusia dan telah memupuk mereka. Dia juga menyediakan syurga yang indah untuk mereka dan menginginkan setiap orang diselamatkan dan memasuki syurga.

Sebenarnya, Tuhan tidak berpuas hati apabila kita sekadar diselamatkan dan masuk ke syurga, tetapi Dia mahu memperoleh anak-anak yang telah menyingkirkan dosa dan kejahatan, mencapai penyucian, dan menghasilkan buah kasih rohani, buah Roh, dan buah Ucapan Berkat, serta menyerupai Tuhan Yesus. Bagi Tuhan, satu hari adalah seperti seribu tahun dan seribu tahun adalah seperti satu hari. Dia mahu memperoleh anak-anak sejati yang mencapai hati Tuhan Yesus dan menghasilkan buah-buah yang baik dan indah melalui pemupukan manusia.

Apabila anak-anak seperti ini berdiri di hadapan-Nya, Tuhan akan berasa terhibur dan berkenan, lalu berfirman, “Anak lelaki-Ku yang Ku-kasih! Anak perempuan-Ku yang Ku-kasih!”

Saya berharap anda memberikan kesyukuran dengan sepenuh hati kepada Tuhan yang telah mengutus Anak-Nya yang tunggal, Yesus, dan kepada Tuhan Yesus yang datang ke dunia ini dalam bentuk manusia untuk membawa kegembiraan keselamatan dan menyediakan syurga yang indah. Raikanlah Krismas dengan sebaik-baiknya.